

5 EXCO Perak angkat sumpah

Dilantik semula daripada kerajaan pimpinan bekas MB terdahulu

Oleh Balqis Jazimah Zahari
bhnews@bh.com.my

Ipoh: Lima Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) muka lama, termasuk dua ADUN PAS mengangkat sumpah jawatan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO), di Istana Kinta di sini, semalam.

Mereka mengangkat sumpah di depan Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah pada istiadat secara ringkas dan tertutup.

Dua ADUN PAS, berkenaan ialah Razman Zakaria (ADUN Se-manggol) dan Mohd Akmal Kamaruddin (ADUN Selama).

Selain itu, turut dilantik semula ialah seorang ADUN daripada UMNO yang mewakili Barisan Nasional (BN), Ahmad Sa'idi Mohamad Daud (Changkat Jeiring) serta dua daripada Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU), iaitu Datuk Nolee Ashilin Mohamed Radzi (Tualang Sekah) dan Datuk Abdul Yunus Jamahri (Kuala Kurau).

Kelima-lima EXCO berkenaan daripada kerajaan sebelum ini, pimpinan bekas Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu.

Majlis semalam dihadiri Menteri Besar, Datuk Saarani Mo-



Lima ADUN dilantik EXCO Perak mengangkat sumpah di hadapan Sultan Nazrin di Istana Kinta, semalam.

(Foto BERNAMA)

hamad; Hakim Utama Mahkamah Tinggi Ipoh, Datuk Hisham Hashim dan Setiausaha Kerajaan negeri, Datuk Ahmad Suaidi Abdul Rahim.

Sementara itu, Saarani berkata, kelima-lima EXCO selesai mengangkat sumpah jawatan bagi menggenapkan semua 10 EXCO seperti peruntukan dalam undang-undang tubuh negeri.

Katanya, beliau akan melihat semula senarai portfolio semua EXCO berkenaan.

"Pertama (mungkin) ada pertukaran kerana ada seorang yang baru masuk, iaitu Datuk Zainol Fadzi Paharuddin."

"Yang kedua saya kena melihat

semula kesesuaian bagi setiap individu EXCO dan juga perancangan pembangunan kerajaan negeri.

"Barang kali ada sedikit perubahan atau pertambahan pada portfolio.

"Saya perlukan sedikit masa, untuk sehari dua ini kerana perlu memberikan perhatian kepada bajet," katanya.

Beliau berkata, senarai portfolio EXCO akan diketahui selewat-lewatnya pada mesyuarat EXCO yang kedua akan diadakan pada Rabu depan.

10 Disember lalu, empat ADUN Perak daripada UMNO dan seorang daripada BERSATU, meng-

angkat sumpah jawatan EXCO, di Istana Iskandariah, Kuala Kangsar.

Mereka ialah ADUN Sungai Manik yang juga Setiausaha BERSATU Perak, Zainol Fadzi.

Empat ADUN UMNO, iaitu ADUN Lintang, Datuk Mohd Zolkafly Harun; ADUN Rungkup, Datuk Shahrul Zaman Yahya; ADUN Kampong Gajah, Datuk Dr Wan Norashikin Wan Nordin dan ADUN Bota, Khairul Shahril Mohamed.

Keempat-empat ADUN UMNO itu ialah EXCO ketika kerajaan sebelum ini, pimpinan Ahmad Faizal sementara Zainol Fadzi ialah penasihat Menteri Besar.